

Akibat kemelesetan ekonomi PROJEK 2 RME DISESUAI

KUALA LUMPUR, Khamis — Unit Perancang Ekonomi di Jabatan Perdana Menteri akan mengkaji projek-projek di bawah Rancangan Malaysia Keempat untuk membolehkannya menyesuaikan semula keutamaan pembangunan memandangkan keadaan kemelesetan ekonomi yang meluas di dunia sekarang.

Ketua Pengarah unit tersebut, Tan Sri Ishak Pateh Akhir memberitahu Perkhidmatan Ekonomi Bernama hari ini, semasa membuat kajian itu UPE akan menimbangkan kedudukan kewangan yang tidak menguntungkan di negara ini sekarang. Beliau menegaskan, apa juga yang dijanjikan oleh Kerajaan kepada rakyat tidak akan dipotong. Minggu lalu, Perdana Menteri Datuk Seri

Dr. Mahathir Mohamad berkata, keadaan buruk dalam ekonomi sekarang menghendaki Kerajaan menyemak rancangannya untuk mengetahui projek manakah yang dapat dilambatkan atau diberi keutamaan. Datuk Seri Dr. Mahathir berkata, terdapat juga keperluan untuk menyesuaikan perbelanjaan bagi menentukannya berada dalam lingkungan un-

jurun perolehan eksport yang disemak semula. Langkah-langkah lain termasuklah menyusun urusan pembiayaan bagi kebanyakan projek utama yang akan ditawarkan secara kontrak. Tan Sri Ishak berkata, Kerajaan tidak akan mengganggu projek-projek sosio-ekonomi yang bertujuan membaiki kemiskinan. "Apa juga

penyesuaian yang akan dibuat, rancangan asas di sekitar matlamat asas Dasar Ekonomi Baru akan dikekalkan," katanya. Semua projek pembangunan akan dilaksanakan, katanya. Projek-projek besar akan ditangguhkan atau pelaksanaannya dibuat berperingkat-peringkat. Tan Sri Ishak menyatakan kerja bagi projek-projek seumpama itu seperti sistem acrosab bagi Wilayah Persekutuan dan permodenan landasan keretapi oleh Keretapi Tanah Melayu mungkin ditangguhkan.

Bahan asal dari Arkib
Negara Malaysia

No. Siri 2725
No. Penerimaan H.11.185

Sementara itu, ahli-ahli ekonomi mencadangkan supaya Malaysia jangan terbawa-bawa sangat dengan keadaan kemelesetan dan kemerosotan ekonomi dunia yang berpanjangan, sehingga mengurangkan pelaburan terhadap projek-projek pembangunan. Mereka berkata, perbelanjaan akan diteruskan dengan matlamat yang ditentukan di samping prestasinya diawasi. Mereka merasakan sebarang potongan terhadap perbelanjaan akan melambatkan pertumbuhan ekonomi. Dekan Fakulti Ekonomi dan Pentadbiran Universiti Malaya, Prof. Mohamad Ariff percaya hanya sedikit projek patut dipotong semasa menyemak kembali keutamaan dalam pembangunan. Beliau menyebut beberapa projek perancangan serta perancangan pelaburan ternama yang lain yang terpaksa ditangguhkan. Bagaimanapun, beliau berkata, keadaan yang ada sekarang tidaklah menunjukkan keadaan muram. "Sebarang potongan besar terhadap perbelanjaan swan akan mengorientasikan ekonomi dan sebarang penyesuaian dalam keutamaan pembangunan perlu mengambil kira matlamat-matlamat Dasar Ekonomi Baru, katanya. Perhitungan luar negeri juga perlu dikira semasa membuat kajian, tambahnya. Beliau berkata, adalah perkara biasa bagi Malaysia menghadapi kemelesetan berikutan dengan keadaan beku dalam ekonomi di negara-negara maju dan menjangka ekonomi negara akan pulih menjelang penghujung tahun. Seorang ahli ekonomi dalam sektor bank berkata, adalah perlu untuk terus melaksanakan projek asas yang segera yang memberi faedah segera kepada rakyat. Beliau merasakan projek-projek jangka terlalu dikesialkan kerana beliau menduga ekonomi akan meningkat menjelang pertengahan tahun depan. "Melainkan kita membuat pelaburan sekarang, kita akan terlepas peluang bila ekonomi pulih."